

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' DR. NORAINI AHMAD**  
                  : **[ PARIT SULONG ]**  
**TARIKH** : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 86:**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan dan mekanisme pelaksanaan untuk menaik taraf dan memperkasa penglibatan 30% wanita dalam semua peringkat dasar negara terutamanya dalam bidang politik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004. Objektif dasar ini adalah untuk melepasi 30 peratus dan mencapai kesaksamaan gender iaitu penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara. Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peratus wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor awam telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun 2015 dan terkini kepada 36.1 peratus bagi tahun 2018. Terkini, ramai wanita telah dilantik pertama kali ke jawatan kepimpinan tertinggi di Malaysia seperti Ketua Hakim Negara (Datuk Tengku Maimun Tuan Mat), Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Puan Latheefa Koya), Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Dr Hasnita Hashim) dan Pengerusi Kumpulan Pemodalan Nasional Bhd (Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz). Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Berdasarkan senarai Bursa Malaysia pula, pada tahun 2018, terdapat 24 peratus daripada 100 syarikat tersenarai awam tertinggi (*Public Listed Companies*) yang telah mempunyai wanita sebagai ahli dalam Lembaga Pengarahnya berbanding 19.2 peratus pada tahun 2017.

Selain itu, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah menggariskan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik sebagai salah satu sektor daripada 13 sektor yang disenaraikan. Penglibatan 30 peratus wanita dalam kepimpinan merupakan satu (dengan izin) *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangun dan mengembangkan potensi wanita.

Berdasarkan *Global Gender Gap Index 2018*, Malaysia berada pada kedudukan ke 101 daripada 149 buah negara dengan skor bagi *political empowerment* adalah 0.072 daripada skor 1. Satu skor yang amat rendah

## SOALAN NO. 86

berbanding pendidikan iaitu 1.0 iaitu mencapai gender pariti. Walau bagaimanapun saya percaya kedudukan Malaysia bagi skor ini akan meningkat mendadak memandangkan Malaysia telah buat julung kalinya melantik seorang wanita sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ini merupakan jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh wanita Malaysia dalam politik. Di samping itu, jumlah menteri wanita juga telah bertambah daripada tiga orang kepada lima orang menteri berportfolio penuh daripada 27 orang menteri keseluruhannya. Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada ketika ini turut sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian *Gender Mainstreaming* yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP)*. Kajian yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi oleh wanita terutamanya dari aspek pembuat keputusan dan juga politik.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya berharap wanita-wanita yang memegang portfolio dalam Kerajaan baru dapat menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya Kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat kepada wanita di masa hadapan. Saya menyeru agar Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang Mulia ini turut menyokong agenda wanita negara dan memberikan peluang kepada wanita dalam proses pembangunan negara.